



MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND DIGITAL

No. Rujukan : KKMM.BIA.(S).600-7/3/47 (5)
Tarikh : 27 Februari 2023

YAB DATUK SERI SAARANI BIN MOHAMAD

Menteri Besar Perak,
Pejabat Menteri Besar Perak,
Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak.

YAB DATUK SERI,

**PEMAKLUMAN DAN PERMOHONAN PEMUDAHCARAAN PROSES
KELULUSAN BERKAITAN PROJEK PENYEDIAAN HAB
INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK LUAR BANDAR DI KAWASAN
BERHAMPIRAN SEKOLAH DAN KAWASAN PERINDUSTRIAN
(*POINT OF PRESENCE* – POP) FASA 2, KEMENTERIAN
KOMUNIKASI DAN DIGITAL (KKD)**

Semoga YAB Datuk Seri dan keluarga sentiasa dikurniakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik. Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YAB Datuk Seri mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YAB Datuk Seri, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) akan melaksanakan projek *Point of Presence* (PoP) bagi memberikan ketersambungan gentian optik kepada premis di luar bandar dan pedalaman dengan jumlah keseluruhan sebanyak 4,323 sekolah dan 47 kawasan perindustrian di seluruh negara.

3. Projek PoP Fasa 1 bagi kawasan berhampiran sekolah di negeri Perak adalah **VC Telecoms Sdn. Bhd. (VC)**, iaitu sebanyak **55 PoP**. Sementara bagi kawasan perindustrian di negeri Perak pula adalah syarikat **VC Telecoms Sdn. Bhd. (VC)**, iaitu sebanyak **3 PoP**. Adalah dimaklumkan pihak VC telah berjaya menyiapkan 44 PoP di kawasan sekolah dengan jumlah premis sebanyak **4,784**. Untuk makluman YAB Datuk Seri, projek ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan peruntukan Pembangunan yang telah diluluskan.

4. Bagi pelaksanaan PoP Fasa 2 pula yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 hingga 2025, sebanyak 3,693 PoP telah dipilih untuk dilaksanakan. Syarikat yang telah berjaya dipilih dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Projek PoP Fasa 2 di negeri **Perak** adalah syarikat konsortium **Apex-Privasat**, iaitu sebanyak **452 jumlah PoP**.

5. Untuk makluman YAB Datuk Seri, KKD sedang mengambil segala usaha bagi mempercepatkan pelaksanaan projek ini namun beberapa cabaran dihadapi antaranya mendapatkan kelulusan permit yang dikeluarkan pihak berkaitan seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).


6. Kerjasama serta komitmen agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri adalah penting bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat dilaksanakan secara keseluruhannya di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan Aspirasi Nasional dapat dicapai.

7. Pelaksanaan projek ini yang memberi fokus untuk merapatkan jurang digital di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara akan dapat meningkatkan penglibatan digital masyarakat sekeliling dari segi pendidikan dan sosio-ekonomi. Ia juga mampu meningkatkan taraf pendidikan dan juga pendapatan penduduk setempat.

8. Justeru, bersama-sama ini dikemukakan Ringkasan Skop Projek PoP Fasa 2 di **Lampiran A** dan senarai sekolah yang terlibat di **Lampiran B**.

9. Besar harapan pihak Kementerian agar Kerajaan Negeri dapat memberikan sepenuh sokongan dalam menjayakan pelaksanaan projek ini dengan membantu mempercepatkan proses kebenaran permit dan lain-lain proses yang terlibat.

Sekian, terima kasih.



(YB AHMAD FAHMI MOHAMED FADZIL)